




BEBERAPA gelandangan termasuk wanita dikesan menghuni kaki lima premis tanpa rasa malu.



GELAGAT kumpulan gelandangan yang berumah di kawasan kaki lima tidak jauh dari pusat pelancongan Pasar Seni.



KEHADIRAN gelandangan yang mencatatkan pemandangan sekitar ibu kota.



‘WILAYAH HANCING’ MALUKAN NEGARA

‘Perkampungan’ gelandangan di sekitar ibu kota dipenuhi najis, sampah menjijikkan mata

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Nurul Hidayah Bahaudin am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Kawasan ini selalunya dipanggil ‘wilayah tahi’ atau ‘wilayah hancing’. Najis dan air kencing gelandang berterabur di merata tempat,” ujar seorang pereka grafik, Naufal Mohd Rahim, 29.

Dia yang bertugas di tingkat atas salah satu lot kedai dua tingkat jelas kecewa dengan sikap pengotor golongan gelandangan yang ‘berkampung’ sekitar kawasan Jalan Petaling di sini.

“Encik lihat lah sendiri, jijik! loya tekak saya! mereka tak ada rasa segan silu berak di lokasi tarikan pelancong terletak di Lorong Bandar 13 di sini. Dahulunya lorong se-

panjang 100 meter ini dihiasi lukisan mural dan menjadi tarikan pelancong asing. Namun kini ia tidak ubah seperti jamban milik gelandang.

“Bayangkan apa perasaan pelancong yang kebetulan melalui lokasi ini berikutan ia hanya terletak kurang 50 meter dari Pasar Seni,” kata penulis yang melakukan tinjauan turut terpaksa menahan mual apabila melihat berpuluh tompokan najis manusia berteraburan di lokasi itu.

Malah ada ketulan najis manusia dibalut dengan kertas surat khabar atau ketupak kadbod sebelum dibuang merata-rata.

Selain bau najis manusia, tidak kecuali bau hancing

berpunca dari air kencing yang mengotori bahu jalan dan kaki lima jalan di situ.

“Ini bukan masalah bahu-ru. Dah bertahun-tahun lamanya kawasan ini dipenuhi golongan gelandangan.

“Jika dahulu mereka ini hanya muncul pada waktu malam, namun kini mereka sudah berumah-tang-katanya.

Penulis yang melakukan tinjauan turut terpaksa menahan mual apabila melihat berpuluh tompokan najis manusia berteraburan di lokasi itu.

Malah ada ketulan najis manusia dibalut dengan kertas surat khabar atau ketupak kadbod sebelum dibuang merata-rata.

Selain bau najis manusia, tidak kecuali bau hancing

“Bayangkan apa perasaan pelancong yang kebetulan melalui lokasi ini Naufal



Calar imej pintu masuk negara

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil inisiatif melakukan operasi menyelamatkan golongan gelandangan dalam usaha mengatasi kehadiran komuniti nomad itu di ibu kota.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa (*gambar*) berkata, operasi menyelamatkan itu dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi berkaitan.

“(Jumlah) gelandangan di Kuala Lumpur ada naik dan turun. Berdasarkan data menerusi operasi menyelamatkan yang dijalankan, kami mendapati golongan gelandangan di ibu kota ini terdiri daripada pelbagai latar belakang.

“Ada di antara mereka adalah warga asing, pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR), pesakit mental serta penagih dadah.

“Dalam isu gelandangan, tiada akta khusus yang boleh digunakan. Ketika ini, kami mengguna pakai Akta Orang-Orang Papa 1977 yang berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),” katanya kepada Harian Metro.

Dr Zaliha berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) akan menyelaras semua agensi berkaitan untuk mengatasi isu gelandangan di ibu kota ini yang disifatkan sebagai pintu masuk negara.

Justeru katanya, satu pelan tindakan akan dilakukan dalam usaha mengatasi isu gelandangan di ibu kota ini bagi menjaga imej Malaysia sempena Kepengeruisan Asean 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

“Saya akan minta Ketua Pengarah JWP, Datuk Noridah Abdul Rahim untuk menyelaras dengan semua agensi untuk mengatasi isu gelandangan sebaik mungkin.


“Dalam isu ini, ia adalah mustahil untuk memastikannya sebagai ‘zero’ gelandangan di Kuala Lumpur. Namun, kami akan berusaha sebaik mungkin untuk menjaga imej Kuala Lumpur,” katanya. Beliau

berkata, terdapat kira-kira 180 program berkaitan Kepengeruisan Asean 2025 adakan diadakan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Program berkaitan Sidang Kemuncak Asean adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri (KLN) dan kami (JWP) terbabit sebagai jawatan kuasa logistik.

“Terdapat kira-kira 300 program (berkaitan Sidang Kemuncak Asean) disahkan dengan 180 daripadanya berlangsung di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Sebagai lokasi pintu masuk negara, kami perlu bersedia bukan sahaja dari segi logistik tetapi juga membabitkan isu kebersihan, pengindahan bandar dan infrastruktur terutama di pusat bandar yang menjadi kawasan tumpuan orang ramai termasuk delegasi,” katanya.



“Ada antara mereka sudah berbulan-bulan tidak mandi atau menukar pakaian. Mungkin mereka selesa dengan keadaan itu. Mujurlah masih ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menghulurkan sumbangan makanan untuk golongan ini,” katanya.

Perkara itu terbukti apabila penulis sendiri melihat deretan gelandangan berbaring di kaki lima premis dengan ada antaranya memakai selimut walaupun ketika itu matahari tegak di kepala.

Salah seorang gelandangan lelaki berusia sekitar 50-an yang didekati memberitahu berasal dari Ipoh, Perak dan sengaja merantau ke ibu kota untuk mencari pekerjaan.

Namun apabila disoal lebih lanjut berkaitan latar belakangnya, lelaki yang menggendong beg sekolah itu segera beredar pergi.

Salah seorang peniaga kedai runcit di kawasan itu, Akhbar Salim, 50, berkata, kehadiran ramai gelandangan di lokasi itu menyebabkan pelancong menghindari kawasan berkenaan.

“Walaupun dibersihkan petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) namun gelandangan ini akan tetap membuang plastik dan sisa makanan di merata tempat.

“Mereka benar-benar tiada kesedaran sivik. Bau busuk sampah dan najis ada di mana-mana. Bayangkan jika pemandangan sisi ‘cacat’ Kuala Lumpur ini dikongsi pelancong asing di

media sosial. Nama negara pasti akan tercalar,” katanya.

Dia berharap masalah itu segera diatasi dan kawasan itu dibersihkan sepenuhnya daripada terus menjadi ‘perkampungan gelandangan’.

“Saya pernah menegur supaya mereka tidak membuat kotor di kawasan ini namun sebaliknya saya dimaki nista.

“Kaki lima ini seolah-olah menjadi hak kekal mereka. Ia tidak boleh diganggu. Ada gelandangan otai akan menimbunkan pakaian, beg dan pelbagai perkakas di kaki lima dihuni,” katanya.

Menurutnya, kelakuan gelandangan ini amat memalukan apabila ada antaranya tidak berpakaian dan comot sepanjang masa.

Seorang lagi pekerja sebuah restoran berhampiran berkata, rata-rata golongan gelandangan ditemui di kawasan itu berdepan masalah mental atau emosi tidak stabil.

“Sukar untuk bercakap dengan mereka berikutan penyampaian kurang jelas dan mengelirukan apatah lagi dalam kalangan gelandangan warga emas.

“Selain ditempatkan di Pusat Transit Gelandangan di Chow Kit di sini, warga emas yang tidak mampu bekerja ini sewajarnya diletakkan di rumah perlindungan warga emas.

“Jika tidak, mereka akhirnya akan ditemui mati keras di kaki lima kedai atau ditemui terapung di Sungai Klang berhampiran

“Apa yang penting, isu ini

perlu diselesaikan dengan menyeluruh daripada terus merosakkan imej ibu negara,” katanya.

Menurutnya, kumpulan gelandangan yang sebelum ini bertumpu di Jalan Petaling di sini, kini dikesan melarat sehingga ke Lebu Ampang, Jalan Pudu hingga ke sekitar Masjid Jamek di sini.